AGRO BANK

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## KEMPEN MEGA MILLION 3.0

| NO. | QUESTION | ANSWER |
|---|---|---|
| 1 | Siapakah Penganjur bagi Kempen ini? | Kempen ini **dianjurkan oleh Agrobank**. |
| 2 | Mengapakah Kempen ini dinamakan "Mega Million 3.0" oleh Agrobank? | Kempen ini dinamakan ***Mega Million 3.0** kerana Kempen ini menawarkan hadiah menarik dan mempromosikan pelbagai produk Agrobank seperti Akaun Deposit, Pembiayaan, Ar-Rahnu, Takaful & Penulisan Wasiat. |
| 3 | Berapa lamakah tempoh Kempen ini? | Kempen ini bermula dari **1 November 2025 sehingga 31 Oktober 2026.** |
| 4 | Apakah konsep bagi Kempen ini dan adakah ianya patuh Syariah? | Kempen ini menggunakan **konsep Cabutan Bertuah bagi menentukan Pemenang.** Pelanggan akan diberikan **Mata Penyertaan (MP)** sewajarnya sekiranya Pelanggan menepati Terma dan Syarat Kempen seperti yang ditetapkan oleh Agrobank.<br><br>Mata Penyertaan (MP) ini akan menentukan bilangan peluang yang dimiliki oleh Pelanggan bagi cabutan bertuah yang diadakan. Terdapat **TIGA (3) jenis cabutan iaitu Cabutan Bulanan, Cabutan Pusingan dan Cabutan Utama.**<br><br>Kempen ini adalah patuh Syariah dan konsep Syariah yang digunapakai bagi Kempen ini adalah **Hibah Mu'allaqah (hibah bersyarat)** di mana pihak Agrobank akan memberikan hadiah kepada Pelanggan yang Berjaya memenuhi segala terma dan syarat yang ditetapkan oleh Agrobank dan dikenalpasti sebagai Pemenang Kempen. |
| 5 | Siapakah yang layak menyertai Kempen ini? | Kempen ini **terbuka kepada Pelanggan Baru dan Pelanggan Sedia Ada yang menepati syarat-syarat Kempen.**<br><br>Kempen ini **terbuka kepada pelanggan individu sahaja.**<br><br>**Individu:**<br>• Warganegara Malaysia, Residen Tetap dan Bukan Warganegara yang bermastautin di Malaysia dan mempunyai pasport bersama pas untuk tinggal di Malaysia tidak kurang daripada enam (6) bulan.<br>• Mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.<br>• Berumur 18 tahun dan ke atas. |

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 6 | Apakah produk yang terlibat dalam Kempen ini? | <u>Produk Deposit</u><br>• AgroPrimaS<br><br><u>Pembiayaan</u><br>• AgroCash-*i*<br>• Hartani-*i*<br><br><u>Ar-Rahnu</u><br><br><u>Takaful & Penulisan Wasiat</u><br>• Takaful Kasih Plus (TKP 3 – TKP 6)<br>• Agro Madani<br>• Agro Nurani<br>• Motor Takaful<br>• Penulisan Wasiat |
| 7 | Bagaimanakah proses cabutan akan dijalankan? | Pemilihan Pemenang akan dijalankan berdasarkan kaedah Cabutan.<br><br>Tarikh dan lokasi akan dimaklumkan oleh pihak Agrobank dari semasa ke semasa. Kaedah Cabutan elektronik akan digunakan bagi proses pemilihan di mana ianya akan dipantau oleh pihak Agrobank. |
| 8 | Saya telah membuat deposit ke dalam AgroPrimaS. Adakah saya secara automatik layak untuk Kempen ini? | Ya. Anda layak secara automatik untuk menyertai Kempen ini dengan syarat anda membuat peletakan deposit minimum RM500 di dalam akaun AgroPrimaS dalam Tempoh Kempen. |
| 9 | Bilakah Cabutan bagi Kempen ini akan diadakan? | <u>Cabutan Utama</u><br>Cabutan Utama akan diadakan pada akhir Kempen.<br><br><u>Cabutan Bulanan</u><br>Cabutan Bulanan akan diadakan setiap bulan selama tempoh Kempen.<br><br><u>Cabutan Pusingan</u><br>Cabutan Pusingan akan diadakan selepas tamat tempoh Pusingan. Tempoh Pusingan adalah seperti berikut:<br><br><u>PUSINGAN 1:</u><br>1 November 2025 – 31 Januari 2026<br><br><u>PUSINGAN 2:</u><br>1 Februari 2026 – 30 April 2026<br><br><u>PUSINGAN 3:</u><br>1 Mei 2026 – 31 Julai 2026<br><br><u>PUSINGAN 4:</u><br>1 Ogos 2026 – 31 Oktober 2026 |

# AGRO BANK

# SOALAN-SOALAN LAZIM
## KEMPEN MEGA MILLION 3.0

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 10 | Apakah kriteria untuk menyertai Kempen ini? | (lihat jadual di bawah) |

| | | |
|---|---|---|
| CABUTAN UTAMA | | • Mengekalkan baki terkumpul sebanyak RM15,000 sepanjang Tempoh Kempen. |
| CABUTAN BULANAN | | • Peletakan deposit minimum bernilai RM500 di dalam akaun AgroPrimaS .<br>• Pemenang layak untuk menang hanya sekali sahaja.<br>• Sekiranya pelanggan tidak memenangi cabutan pada bulan tersebut dan masih mengekalkan peletakan deposit minimum, mata penyertaan mereka akan dibawa ke hadapan untuk cabutan bulanan berikutnya. |
| CABUTAN PUSINGAN WILAYAH<br>Deposit<br>Kategori *Loyalty* | | • Terbuka kepada pelanggan yang secara konsisten mengekalkan peletakan deposit minimum atau membuat pembaharuan automatik sejak Mega Million 1.0 sehingga Mega Million 3.0.<br>• Pemenang hanya layak untuk memenangi sekali sahaja.<br>• Sekiranya pelanggan tidak memenangi hadiah dalam pusingan tersebut tetapi mengekalkan peletakan deposit minimum, mata penyertaan mereka akan dibawa ke cabutan pusingan seterusnya. |
| CABUTAN PUSINGAN *NATIONWIDE* | Deposit<br>Kategori Pelanggan Baru | • Akaun CIF baru yang dibuka di bawah AgroPrimaS dengan peletakan deposit minimum berjumlah RM1,000 sepanjang tempoh pusingan.<br>• Pelanggan yang tidak memenangi cabutan dalam pusingan tersebut tidak akan membawa mata penyertaan mereka ke cabutan pusingan seterusnya. |
| | Pembiayaan<br>• AgroCash-*i*<br>• Hartani-*i* | • Pembiayaan AgroCash-*i* bermula RM50,000 mestilah dipohon, diluluskan dan dikeluarkan sepanjang tempoh pusingan yang sama.<br>• Pembiayaan Hartani-*i* bermula dari RM100,000 mestilah dipohon, diluluskan dan dikeluarkan sepanjang Tempoh Kempen.<br>*(Penyertaan cabutan pelanggan adalah berdasarkan tarikh pengeluaran pembiayaan)* |
| | Ar-Rahnu | • Nilai Marhun bermula dari RM100 mestilah dipohon, diluluskan dan dikeluarkan sepanjang tempoh pusingan yang sama.<br>*(Penyertaan cabutan pelanggan adalah berdasarkan tarikh pengeluaran pembiayaan)* |
| | Takaful & Penulisan Wasiat<br>• Takaful Kasih Plus (TKP 3 – TKP 6)<br>• Motor Takaful<br>• Agro Madani<br>• Agro Nurani<br>• Penulisan Wasiat | • Langgan Takaful bermula dari Pelan TKP 3 bagi Takaful Kasih Plus, Pelan Zamrud bagi Agro Madani dan Pelan Ehsan bagi Agro Nurani.<br>• Langgan Motor Takaful bermula RM500<br>• Penulisan Wasiat bernilai RM500 |

Pelanggan akan memperoleh Mata Penyertaan (MP) tambahan dengan gabungan Kategori Produk (Pembiayaan, Ar-Rahnu atau Takaful & Penulisan Wasiat) bersama perletakan produk Deposit dalam akaun AgroPrimaS.

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 11 | Apakah hadiah yang ditawarkan dalam Kempen ini? | (lihat jadual di bawah) |

| KATEGORI CABUTAN | PRODUK | KRITERIA | HADIAH | NO. PEMENANG | JUMLAH PEMENANG | TEMPOH CABUTAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **CABUTAN UTAMA** | AgroPrimaS | Kekalkan baki terkumpul sebanyak RM 15,000 sepanjang Tempoh Kempen. | Ford Ranger Raptor | 1 | 1 | **1 November 2025 – 31 Oktober 2026**<br>*Cabutan akan diadakan pada akhir Kempen.* |
| **CABUTAN BULANAN** | AgroPrimaS | Peletakan deposit minimum bernilai RM500. | Proton X50 | 1 pemenang setiap bulan | 12 | **1 November 2025 – 31 Oktober 2026**<br>*Cabutan akan diadakan setiap bulan selama 12 bulan.* |
| **CABUTAN PUSINGAN WILAYAH - KATEGORI *LOYALTY*** | AgroPrimaS | Kekalkan baki deposit minimum RM500 daripada Kempen Mega Million 1.0 sehinggan Mega Million 3.0. | Wang Tunai bernilai RM2,000 | 3 pemenang setiap wilayah | 96 | **PUSINGAN 1:** 1 November 2025 – 31 Januari 2026<br>**PUSINGAN 2:** 1 Februari 2026 – 30 April 2026<br>**PUSINGAN 3:** 1 Mei 2026 – 31 Julai 2026<br>**PUSINGAN 4:** 1 Ogos 2026 – 31 Oktober 2026<br>*Cabutan akan diadakan setiap 3 bulan.* |
| **CABUTAN PUSINGAN - KATEGORI PRODUK** | **DEPOSIT (PELANGGAN BARU)**<br>• AgroPrimaS | • Peletakan deposit minimum bernilai RM1,000.<br>• Terbuka kepada pelanggan baru Agrobank sahaja. | Motosikal Modenas Elit | 3 pemenang setiap pusingan | 12 | |
| | **PEMBIAYAAN**<br>• AgroCash-*i*<br>• Hartani-*i* | • Pembiayaan AgroCash-*i* bermula dari RM50,000.<br>• Pembiayaan Hartani-*i* bermula dari RM100,000. | Sijil Simpanan AgroPrimaS bernilai RM1,000 | 20 pemenang setiap pusingan | 80 | |
| | **AR-RAHNU** | Nilai Marhun bermula dari RM100. | Kepingan Emas 2-gram | 50 pemenang setiap pusingan | 200 | |
| | **TAKAFUL & PENULISAN WASIAT**<br>• Takaful Kasih PLUS (TKP3-TKP6)<br>• Agro Madani<br>• Agro Nurani<br>• Agro Motor Takaful<br>• Penulisan Wasiat | • Langganan Takaful bermula dari Pelan TKP 3 bagi Takaful Kasih Plus, Pelan Zamrud bagi Agro Madani dan Pelan Ehsan bagi Agro Nurani.<br>• Langganan Motor Takaful bermula dari RM500.<br>• Langganan Penulisan Wasiat berjumlah RM500. | Wang Tunai bernilai RM1,000 | 25 pemenang setiap pusingan | 100 | |

AGRO BANK

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## KEMPEN MEGA MILLION 3.0

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 12 | Sekiranya Pelanggan pernah menyertai Kempen Mega Million 1.0, adakah Pelanggan layak menyertai Kempen Mega Million 3.0? | Ya. Pelanggan yang masih mempunyai simpanan dalam akaun AgroPrimaS dan mengekalkan akaun tersebut dalam status aktif bermula 1 Oktober 2023 akan layak menyertai Kempen Mega Million 3.0 secara automatik. |
| 13 | Saya telah memenangi hadiah Cabutan Pusingan Wilayah untuk Kategori Loyalty dalam Pusingan 1. Bolehkah saya menang dalam Pusingan seterusnya? | Tidak. Anda hanya layak memenangi hadiah sekali sahaja. Namun, sekiranya anda tidak memenangi hadiah dalam pusingan tersebut tetapi mengekalkan peletakan deposit minimum, mata penyertaan anda akan dibawa ke Cabutan Pusingan seterusnya. |
| 14 | Saya telah memenangi hadiah Cabutan Pusingan Wilayah. Bolehkah saya memenangi Hadiah Cabutan Bulanan atau Cabutan Utama juga? | Ya. Anda berpeluang memenangi Hadiah Cabutan Bulanan atau Hadiah Cabutan Utama. |
| 15 | Saya telah memenangi hadiah Cabutan Bulanan. Bolehkah saya memenangi Hadiah Cabutan Bulanan seterusnya juga? | Tidak. Anda hanya layak untuk memenangi hadiah Cabutan Bulanan sekali sahaja sepanjang tempoh Kempen. Walaubagaimanapun, anda masih berpeluang untuk memenangi hadiah Cabutan Pusingan Wilayah dan Hadiah Cabutan Utama. |
| 16 | Jika saya telah memenangi hadiah Cabutan Pusingan Kategori Pelanggan Baru dalam Pusingan 1, adakah saya masih layak untuk memenangi hadiah dalam Cabutan Pusingan berikutnya? | Tidak. Setiap pelanggan hanya layak memenangi hadiah Cabutan Pusingan Kategori Pelanggan Baru sekali sahaja sepanjang tempoh Kempen. Namun begitu, anda masih berpeluang untuk memenangi hadiah bagi Cabutan Bulanan dan Cabutan Utama |
| 17 | Bagaimanakah Pelanggan akan dimaklumkan jika mereka terpilih sebagai pemenang? | Pemenang akan dihubungi oleh cawangan Agrobank masing-masing dan nama Pemenang juga akan dipaparkan melalui laman sesawang Agrobank iaitu www.agrobank.com.my. |
| 18 | Adakah Pemenang dibenarkan untuk menukar hadiah yang dimenangi dengan bentuk / barangan lain? | Pemenang tidak dibenarkan untuk menukar hadiah yang dimenangi dengan bentuk / barangan lain. |
| 19 | Siapa yang perlu saya hubungi sekiranya memerlukan penjelasan atau pertanyaan lebih lanjut mengenai Kempen? | • Hubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88- 2476; atau<br>• Layari laman sesawang rasmi di www.agrobank.com.my; atau<br>• Lawati/Kunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan. |

Nota: *Soalan Lazim (FAQ) ini adalah untuk rujukan umum sahaja. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk kepada Terma & Syarat Kempen atau berunding dengan pihak Agrobank untuk maklumat produk yang lebih terperinci.

Cetakan November 2025